

PENGETAHUAN ASAS BERKAITAN DENGAN FARAIID

1. Senarai waris-waris yang berhak menerima pusaka.
2. Waris fardu.
3. Waris asabah dan jenis asabah.
4. Tertib asabah
5. Mahjub.
6. Kategori waris: waris utama, waris ganti dan waris kedua.
7. Kaedah pembahagian.

1. SENARAI WARIS YANG BERHAK MENERIMA PUSAKA:

Waris lelaki 15 orang:

1. Anak lelaki
2. Cucu lelaki daripada anak lelaki
3. Bapa
4. Datuk sebelah bapa.
5. Saudara lelaki seibu sebapa
6. Saudara lelaki sebapa
7. Saudara lelaki seibu
8. Anak saudara lelaki seibu sebapa
9. Anak saudara lelaki sebapa
10. Bapa saudara seibu sebapa
11. Bapa saudara sebapa
12. Anak bapa saudara seibu sebapa
13. Anak bapa saudara sebapa
14. Suami
15. Tuan.

Waris perempuan 10 orang :

1. Anak perempuan
2. Cucu perempuan
3. Ibu

4. Nenek sebelah ibu
5. Nenek sebelah bapa
6. Saudara perempuan seibu sebapa
7. Saudara perempuan sebapa
8. Saudara perempuan seibu
9. Isteri
10. Puan

2. Waris fardu :

RINGKASAN KADAR BAHAGIAN AHLI FARDU

1. Satu Perdua (1/2)

1.	Suami	Syarat: Tidak ada keturunan kebawah
2.	1 Anak Perempuan	Syarat: Tidak ada Anak Lelaki
3.	1 Cucu Perempuan	Syarat: Tidak ada i. Anak lelaki/ perempuan ii. Cucu lelaki
4.	1 Saudara Seibu Sebapa Perempuan (SIBP)	Syarat: Tidak ada i. Bapa, ii. Datuk iii. Keturunan kebawah v. Saudara seibu sebapa lelaki (SIBL)
5.	1 Saudara Sebapa Perempuan (SBP)	Syarat: Tidak ada i. Bapa ii. Datuk iii. Keturunan kebawah iv. Saudara Seibu Sebapa lelaki/perempuan (SIBP/L) v. Saudara sebapa lelaki (SBL),

2. Satu Pertiga (1/3)

1.	Ibu	Syarat: Tidak ada i. Keturunan kebawah ii. Berbilang saudara samada SIB/SB/SI lelaki/perempuan
2.	Dua atau Lebih Saudara Seibu Lelaki/Perempuan	Syarat: Tidak ada i. keturunan kebawah ii. keturunan lelaki keatas.

3. Satu Perempat (1/4)

1.	Suami	Syarat: Ada keturunan kebawah
2.	Isteri	Syarat: Tidak ada keturunan kebawah

4. Dua Pertiga (2/3)

1.	2 atau lebih Anak Perempuan	Syarat: Tidak ada Anak Lelaki
2.	2 atau lebih Cucu Perempuan	Syarat: Tidak ada i. Cucu Lelaki ii. Anak Lelaki/perempuan
3.	2 atau lebih Saudara Seibu Sebapa Perempuan (SIBP)	Syarat: Tidak ada i. Saudara Seibu Sebapa Lelaki (SIBL) ii. Keturunan kebawah iii. Bapa vi. Datuk
4.	2 atau lebih Saudara Sebapa Perempuan (SBP)	Syarat: Tidak ada i. Saudara Sebapa Lelaki (SBL) ii. Keturunan kebawah iii. Bapa iv. Datuk v. Saudara Seibu Sebapa lelaki /perempuan (SIBL/P)

5. Satu Perenam (1/6)

1.	Bapa	Syarat: Ada keturunan kebawah
2.	Ibu	Syarat: i. Ada keturunan kebawah ii. Ada berbilang Saudara sama ada: SIB, SB, SI Lelaki/perempuan
3.	Datuk	Syarat: i. Ada keturunan kebawah ii. Tidak ada Bapa iii. Tidak ada Saudara SIB/SB
4.	Nenek	Sebelah Ibu - Tidak ada Ibu Sebelah Bapa - Tidak ada Ibu/Bapa
5.	Cucu Perempuan	Syarat: i. Ada bersama seorang Anak Perempuan ii. Tidak ada Anak Lelaki/Cucu Lelaki
6.	Saudara Sebapa Perempuan (SBP)	Syarat: i. Ada bersama Seorang Saudara Seibu Sebapa Perempuan (SIBP) ii. Tidak ada keturunan kebawah iii. Tidak ada bapa/datuk iii. Tidak ada SIBL dan SBL
7.	Seorang Saudara Seibu Samada Lelaki/Perempuan	Syarat: i. Tidak ada keturunan kebawah ii. Tidak ada keturunan lelaki keatas.

6. Satu Perlapan (1/8)

Isteri	Syarat: Ada keturunan kebawah
--------	-------------------------------

7. Satu Pertiga (1/3) Baki

Ibu	Ketika simati hanya meninggalkan i. Ibu, Bapa dan Suami ii. Ibu, Bapa dan Isteri
-----	--

3. Waris asabah dan jenis asabah :

1). ASABAH DENGAN DIRI SENDIRI :

(asabah binafsih)

1. anak lelaki (AL)
 2. cucu lelaki (CL)
 3. cicit lelaki (CTL) dan kebawah
 4. bapa
 5. datuk dan keatas
 6. saudara seibu sebapa lelaki (SIBL)
 7. saudara sebapa lelaki (SBL)
 8. anak saudara seibu sebapa lelaki (ASIBL)
 9. anak saudara sebapa lelaki (ASBL)
 10. cucu saudara seibu sebapa lelaki (CSIBL)
 11. cucu saudara sebapa lelaki (CSBL)
 12. bapa saudara seibu sebapa (BSSIB)
 13. bapa saudara sebapa (BSSB)
 14. anak bapa saudara seibu sebapa lelaki (sepupu SIB)
 15. anak bapa saudara sebapa lelaki (sepupu SB)
 16. cucu bapa saudara seibu sebapa lelaki (anak sepupu SIBL)
 17. cucu bapa saudara sebapa lelaki (anak sepupu SBL)
 18. datuk saudara seibu sebapa
 19. datuk saudara sebapa
 20. anak datuk saudara seibu sebapa lelaki (pak sepupu SIB)
 21. anak datuk saudara sebapa lelaki (pak sepupu SB)
- dan seterusnya waris-waris lelaki yang berketurunan sebelah bapa.

2) ASABAH BERSAMA DENGAN ORANG LAIN

(Asabah bil-Ghairi)

Asabah bersama dengan orang lain bermakna seseorang itu mendapat asabah apabila simati ada meninggalkan waris lelaki dan waris perempuan yang sama darjat di mana bahagian mereka telah ditetapkan iaitu bahagian lelaki dua kali bahagian perempuan.

Mereka yang mendapat asabah jenis ini terdiri daripada empat golongan. Iaitu:

- **anak lelaki dan anak perempuan**
- **cucu lelaki dan cucu perempuan**
- **saudara seibu sebapa lelaki dan saudara seibu sebapa perempuan**
- **saudara sebapa lelaki dan saudara sebapa perempuan.**

Peringatan : Cucu perempuan dengan cicit lelaki

Satu pengecualian dalam soal sedarjat di mana cucu perempuan boleh mendapat asabah ketika bersama dengan cicit lelaki. Pada dasarnya cucu perempuan mendapat asabah bersama dengan cucu lelaki yang sedarjat dengannya. Tetapi adakalanya cucu perempuan berhajat kepada lelaki yang lebih rendah darjat daripadanya untuk menjadi asabah bagi membolehkannya mendapat pusaka.

3. ASABAH BERSERTA DENGAN ORANG LAIN (Asabah maal Ghairi)

Asabah berserta dengan orang lain bermakna waris wanita tertentu iaitu saudara seibu sebapa perempuan atau saudara sebapa perempuan menjadi asabah apabila simati ada meninggalkan bersertanya anak perempuan atau cucu perempuan dengan syarat tidak ada saudara seibu sebapa lelaki atau saudara sebapa lelaki yang mengasabahkan saudara perempuan tersebut menjadi asabah bil ghairi.


Asabah selalunya berkaitan dengan waris-waris lelaki. Akan tetapi asabah jenis ini adalah berkaitan dengan wanita dan mereka tidak memerlukan lelaki untuk menjadi asabah. Mereka yang menjadi asabah jenis ini terdiri daripada:

- **Saudara seibu sebapa perempuan (SIBP)**
- **Saudara sebapa perempuan (SBP).**

4. Tertib asabah :

Hanya satu golongan asabah sahaja yang mesti wujud di dalam satu kes faraid. Bagi menentukan siapakah waris asabah yang lebih berhak, hendaklah dilihat kepada kekuatan dari segi pihak, kehampiran darjat dan kekuatan darjat. Kaedah ini melahirkan tertib asabah seperti rajah di bawah.

Rajah: TERTIB ASABAH



- Keturunan kebawah lebih utama daripada keturunan keatas
- Anak lebih hampir kepada simati berbanding cucu

- Saudara seibu sebapa lebih kuat darjatnya daripada saudara sebapa.

5. Mahjub :

Waris-waris yang terdinding/gugur sepenuhnya adalah seperti berikut:-


- 1) Datuk terdinding oleh bapa
- 2) Nenek sebelah ibu terdinding oleh ibu
- 3) Nenek sebelah bapa terdinding oleh ibu, bapa
- 4) Cucu lelaki terdinding oleh anak lelaki
- 5) Cucu perempuan terdinding oleh anak lelaki, 2 atau lebih anak perempuan.
- 6) Saudara seibu sebapa lelaki terdinding oleh bapa, keturunan lelaki kebawah.
- 7) Saudara seibu sebapa perempuan terdinding oleh bapa, keturunan lelaki kebawah.
- 8) Saudara sebapa lelaki terdinding oleh bapa, keturunan lelaki kebawah, saudara seibu sebapa lelaki, saudara seibu sebapa perempuan yang menjadi asabah berserta orang lain (asabah maal ghairi).
- 9) Saudara sebapa perempuan terdinding oleh bapa, keturunan lelaki kebawah, saudara seibu sebapa lelaki, 2 saudara seibu sebapa perempuan, saudara seibu sebapa perempuan yang menjadi asabah berserta orang lain (asabah maal ghairi).
- 10) Saudara seibu terdinding oleh bapa, datuk, keturunan kebawah.
- 11) Anak saudara seibu sebapa lelaki terdinding oleh bapa, datuk, keturunan lelaki kebawah, saudara seibu sebapa lelaki, saudara seibu sebapa perempuan yang menjadi asabah berserta orang lain, saudara sebapa lelaki, saudara sebapa perempuan yang menjadi asabah berserta orang lain.
- 12) Anak saudara sebapa lelaki terdinding oleh bapa, datuk, keturunan lelaki kebawah, dan waris-waris sebagaimana 11 di atas dan anak saudara seibu sebapa lelaki.
- 13) Bapa saudara seibu sebapa terdinding oleh bapa, datuk, keturunan lelaki kebawah, dan waris-waris sebagaimana 12 di atas dan anak saudara sebapa lelaki.

- 14) Bapa saudara sebapa terdinding oleh bapa, datuk, keturunan lelaki kebawah dan waris-waris sebagaimana 13 di atas dan bapa saudara seibu sebapa.

6. Kategori waris:

Waris utama:


Suami, isteri, anak lelaki, anak perempuan, ibu dan bapa.



Waris ganti:


Keturunan kebawah : Cucu lelaki, cucu perempuan dan kebawah,

Keturunan keatas : nenek sebelah ibu, nenek sebelah bapa dan datuk sebelah bapa dan keatas.



Waris kedua :

- Saudara SIB,SB dan SI.
- Anak saudara SIB dan SB dan kebawah.
- Bapa saudara SIB dan SB.
- Anak bapa saudara SIB dan SB dan kebawah.
- Datuk saudara SIB dan SB
- Anak datuk saudara SIB dan SB dan seterusnya.



7. KAEDAH PEMBAHAGIAN

1. WARIS UTAMA

1. ANAK LELAKI (AL)

1.	Semua	Seorang diri
2.	Sama banyak	Lebih dari seorang
3.	Asabah	Bersama anak perempuan: lelaki - 2 Perempuan -1
4.	Asabah	Bersama waris fardu

2. ANAK PEREMPUAN (AP)

1.	1/2	Seorang diri	Syaratnya: Tidak ada anak lelaki
2.	2/3	2 orang atau lebih	
3.	Asabah	Bersama anak lelaki	

3. SUAMI

1.	1/4	Kalau ada keturunan kebawah
2.	1/2	Kalau tidak ada keturunan kebawah

4.ISTERI

1.	1/8	Kalau ada keturunan kebawah
2.	1/4	Kalau tidak ada keturunan kebawah

5. IBU

1.	1/6	Kalau ada: i. keturunan kebawah ii .2 orang atau lebih adik beradik simati samada SIB/SB/SI lelaki atau perempuan, mendapat bahagian atau gugur
2.	1/3	Kalau tidak ada waris di atas
3.	1/3 drpd baki	Kalau bersama: i. suami dan bapa ii. isteri dan bapa

6.BAPA

1.	1/6	Kalau ada keturunan lelaki kebawah
2.	1/6 + asabah	Kalau ada keturunan perempuan kebawah
3.	Asabah	Kalau tidak ada keturunan kebawah

2. WARIS GANTI.

7. CUCU LELAKI (CL)

Kaedahnya seperti mana anak lelaki kecuali: cucu lelaki mendapat asabah dengan cucu perempuan.	Syaratnya: Tidak ada anak lelaki.
--	--------------------------------------

8. CUCU PEREMPUAN (CP)

1.	1/2	Seorang diri	Syaratnya: tidak ada i. anak lelaki / perempuan ii. cucu lelaki
2.	2/3	2 orang atau lebih	
3.	Asabah	Bersama cucu lelaki Bersama cicit lelaki yang lebih rendah darjat daripadanya sekiranya ia berhajat kepadanya.	
4.	1/6	Bersama seorang anak perempuan (untuk mencukupkan bahagian perempuan 2/3.	Syaratnya: tidak ada i. anak lelaki ii. cucu lelaki
5.	Gugur	Dengan adanya 2 orang atau lebih anak perempuan	Syaratnya: jika ada cucu lelaki atau cicit lelaki maka mendapat asabah.
6.	Gugur	Dengan adanya anak lelaki	

9. NENEK

1/6	Syaratnya:	i. nenek sebelah ibu – tiada ibu ii. nenek sebelah bapa – tiada ibu / bapa
-----	------------	---

10. DATUK

Kaedahnya seperti mana bapa	Syaratnya: i. Tidak ada bapa ii. Tidak ada adik beradik SIB/ SB
Bagaimana pun sekiranya simati meninggalkan SIB atau SB,	Pembahagiannya tertaklok kepada kaedah MUQASAMAH.

3. WARIS KEDUA (SISI)

11. SAUDARA SEIBU SEBAPA LELAKI (SIBL)

Kaedahnya seperti mana anak lelaki, kecuali: menjadi asabah dengan saudara seibu sebapa perempuan	Syaratnya: tidak ada i. anak lelaki ii. cucu lelaki iii. bapa iv. datuk
---	---

12. SAUDARA SEIBU SEBAPA PEREMPUAN (SIBP)

1.	1/2	Seorang diri	Syaratnya: tidak ada i. keturunan kebawah ii. bapa iii. datuk iv. saudara SIB lelaki
2.	2/3	2 orang atau lebih	
3.	Asabah bilghairi	Bersama SIB lelaki	Syaratnya: tidak ada i. anak lelaki ii. cucu lelaki iii. bapa
4.	Asabah maalghairi	Bersama anak perempuan atau cucu perempuan atau bersama dengan anak perempuan dan cucu perempuan (mendapat baki).	
5.	Gugur	Dengan adanya: i. Anak lelaki ii. cucu lelaki iii. bapa.	

13.SAUDARA SEBAPA LELAKI (SBL)

Kaedahnya seperti mana anak lelaki kecuali: menjadi asabah dengan saudara sebapa perempuan	Syaratnya: tidak ada i. anak lelaki ii. cucu lelaki iii. bapa iv. datuk v. SIB (L) vi. SIB (P) yang menjadi asabah maal-ghairi
--	---

14. SAUDARA SEBAPA PEREMPUAN (SBP)

1.	1/2	Seorang diri	Syaratnya: tidak ada i. SIB (L/P) ii. SB lelaki iii. Anak iv. cucu v. Bapa vi. Datuk
2.	2/3	2 orang atau lebih	
3.	Asabah bilghairi	Bersama dengan saudara sebapa lelaki	
4.	1/6	Bersama dengan seorang SIBP bagi mencukupi 2/3 bahagian perempuan	Syaratnya: tidak ada i. anak lelaki ii. cucu lelaki iii. bapa iv. datuk v. SB lelaki
5.	Asabah maalghairi	Bersama dengan anak perempuan atau cucu perempuan atau bersama dengan anak perempuan dan cucu perempuan (mendapat baki)	Syaratnya: tidak ada i. anak lelaki ii. cucu lelaki iii. bapa iv. datuk v. SIB lelaki vi. SIB perempuan
6.	Gugur	Dengan adanya: i. Anak lelaki ii. Cucu lelaki iii. Bapa iv. SIB lelaki v. SIB perempuan yang menjadi asabah maal-ghairi dengan anak perempuan atau cucu perempuan.	
7.	Gugur	Dengan adanya 2 orang atau lebih SIB perempuan. Tetapi jika ada SB lelaki, SB perempuan mendapat asabah.	

15. SAUDARA SEIBU (LELAKI / PEREMPUAN) (SI)

Lelaki dan perempuan dibahagi sama banyak.

1.	1/6	Seorang diri	Syaratnya: tidak ada i.Keturunan kebawah ii.Keturunan lelaki keatas
2.	1/3	2 orang atau lebih	
3.	Gugur	Dengan adanya: i. Keturunan kebawah ii. Keturunan lelaki keatas	

16. Lain-lain waris

Seperti anak saudara dan kebawah, bapa saudara, sepupu dan seterusnya, menggantikan tempat anak lelaki dari segi kaedah pembahagiannya (kaedahnya sama seperti anak lelaki) sekiranya tidak ada waris-waris yang mendindingkannya.

KETERANGAN:

Penggunaan:

1	Anak, cucu	Bermakna	Keturunan kebawah
2	Anak lelaki / cucu lelaki	Bermakna	Keturunan lelaki kebawah
3	Anak perempuan / cucu perempuan	Bermakna	Keturunan perempuan kebawah
4	Bapa, datuk	Bermakna	Keturunan lelaki keatas